

PENILAIAN AKHIR TAHUN


BAHAGIAN A [20 markah]

Bulatkan jawapan yang betul.

- 1 Antara berikut, yang manakah menunjukkan jarak relatif?
- A Panjang Sungai Alur ialah 3.1 km
 - B Jarak rumah Amir ke sekolah ialah 2.4 km
 - C Ketinggian stesen trigonometri ialah 110 m dari aras laut
 - D Wan Mei membayar tambang bas RM1.50 dari rumahnya ke sekolah

- 2 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri fizikal?
- A Jambatan C Sekolah
 - B Petempatan D Sungai

- 3 Apakah kepentingan ciri fizikal dalam rajah di bawah ini kepada alam sekitar?




- I Aktiviti pertanian
 - II Habitat hidupan liar
 - III Menyederhanakan suhu
 - IV Membekalkan sumber kayu balak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Apakah faktor yang mempengaruhi jalan raya lurus dalam peta topografi?
- A Petempatan
 - B Kemudahan asas
 - C Bentuk muka bumi
 - D Kegiatan ekonomi

- 5 Antara berikut, kejadian yang manakah dapat dikaitkan dengan tarikan graviti?
- I Gerhana matahari
 - II Kejadian empat musim
 - III Air pasang dan surut
 - IV Pembiasan angin lazim
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

- 6 Berdasarkan rajah dan maklumat di bawah ini, pilih pernyataan yang tepat.



- Siang dan malam sama panjang
- Hemisfera utara mengalami musim luruh
- Matahari tengah hari di atas kepala di Garisan Khatulistiwa

- A I C III
- B II D IV

- 7 Apakah faktor yang menyebabkan suhu di bandar berikut tinggi sepanjang tahun?

- Shah Alam
- Johor Bahru

- I Dikelilingi laut
 - II Pembakaran sisa pertanian
 - III Asap dari ekzos kenderaan
 - IV Kemajuan sektor perindustrian
- A I dan II C III dan IV
 - B II dan III D I dan IV

- 8 Pilih maklumat yang berkaitan dengan hujan perolakan.
- A Hujan disertai kilat dan petir
 - B Dipengaruhi oleh ketinggian
 - C Udara panas di kawasan rendah
 - D Jumlah hujan lebat di awal pagi

- 9 Antara berikut, yang manakah merupakan lapangan terbang antarabangsa di Malaysia?
- I Senai III Johor Bahru
 - II Kuantan IV Kota Kinabalu
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

10 Pilih jawapan yang tepat berdasarkan pernyataan di bawah ini.

- Terminal kontena paling canggih di Malaysia
- Mendapat pengiktirafan sebagai *Process Compliant Port/ Terminal of The Year (2017)* dari *Global Ports Forum*

- A Pelabuhan Klang
- B Pelabuhan Kuantan
- C Pelabuhan Tanjung Pelepas
- D Pelabuhan Teluk Sepanggar

11 Apakah kepentingan sistem pengangkutan dalam foto di bawah?



- I Mengangkut kontena
 - II Mengangkut bahan mentah
 - III Mengangkut penumpang
 - IV Menggalakkan industri pelancongan
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

12 Apakah persamaan antara kedua-dua alat telekomunikasi di bawah ini?

- Telefon bimbit
- Telefon selular

- A Menyalin maklumat
- B Telefon tanpa wayar
- C Menyaksikan siaran langsung
- D Lengkap dengan kamera digital

13 Antara kawasan berikut, yang manakah merupakan tapak stesen satelit di Malaysia?

- I Kuantan III Bandar Melaka
 - II Cyberjaya IV Kuala Lumpur
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

14 Apakah faktor kerajaan menyertai kerjasama antarabangsa untuk mengurangkan pemanasan global?

- I Berkongsi kepakaran
 - II Mendapat bantuan kewangan
 - III Menambahkan jumlah eksport
 - IV Menyokong usaha kerajaan lain
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

15 Mengapakah Pelabuhan Hong Kong menjadi tumpuan pelabur asing?

- A Tenaga buruh ramai
- B Kos pemunggaran rendah
- C Mengendalikan barangan runcit
- D Terlindung daripada bencana alam

16 Apakah keistimewaan iklim di Malaysia berbanding negara-negara dalam maklumat di bawah?

- Riyadh • Utara Siberia • Timur Jepun

- I Suhu hampir sekata
 - II Menerima hujan sepanjang tahun
 - III Pengaruh angin monsun terhad
 - IV Suhu rendah di kawasan tanah pamah
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

17 Apakah faktor utama yang menyebabkan kegiatan perikanan di negara Jepun lebih maju?

- I Kedalaman air kurang dari 180 m
 - II Ancaman ribut siklon terhad
 - III Teknologi perikanan moden
 - IV Pengaruh arus panas dan arus sejuk
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

18 Antara berikut, yang manakah merupakan bahan api fosil yang menyumbang kepada pemanasan global?

- I Kuprum III Petroleum
 - II Gas asli IV Bijih timah
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

19 Apakah yang bukan merupakan langkah-langkah untuk menjimatkan tenaga?

- A Mencabut plag alat elektrik
- B Menutup suis selepas digunakan
- C Membeli peralatan jimat tenaga elektrik
- D Lampu rumah dibuka pada waktu siang


20 Antara berikut, apakah langkah yang sesuai untuk mengurangkan penyemburan racun serangga di ladang?

- A Menggunakan kaedah biologi
- B Meninggikan batas untuk pertanian
- C Ladang dipindahkan ke kawasan pedalaman
- D Menggunakan plastik untuk menutup tanaman

BAHAGIAN B
[80 markah]

Jawab semua soalan.

A. Berdasarkan pandang darat fizikal di bawah, jawab soalan berikut.



1 Apakah ciri fizikal dalam gambar rajah di atas?

2 Nyatakan aktiviti yang boleh dijalankan oleh manusia di kawasan dalam gambar rajah di atas tanpa mengganggu keseimbangan ekosistem.


- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____

3 Bagaimanakah cara untuk mengetahui ketinggian kawasan dalam gambar rajah di atas?

4 Jika anda sesat di kawasan yang bertanda X, nyatakan cara untuk memberitahu kedudukan anda kepada Pegawai Penyelamat.


[6 markah]

B. Jawab soalan-soalan di bawah tentang cuaca dan iklim di Malaysia.



[2 markah]


C. Berdasarkan rajah di bawah, lengkapkan jadual berikut.



Kejadian	Tarikh	Musim	Kedudukan Matahari	Siang dan Malam
I				
II				
III				
IV				

[8 markah]

D. Jawab soalan berdasarkan gambar rajah di bawah.



1. Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya pasang surut air laut?

2. Terangkan bagaimana berlakunya kejadian air pasang surut.

[6 markah]

E. Berdasarkan sistem pengangkutan di bawah, isikan tempat kosong dengan faktor-faktor yang mempengaruhi jaringan pengangkutan tersebut.



1 Bentuk muka bumi

2 Kemajuan teknologi

3 Dasar kerajaan

4 Kegiatan ekonomi

[8 markah]

F. Apakah langkah yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk mengurangkan kesan negatif telekomunikasi di sekolah?

1

2

3

4

5

5

[10 markah]

G. Apakah kepentingan perkhidmatan dalam maklumat di bawah?

- Memesan barangan secara atas talian
 - Barangan dihantar ke rumah
 - Kualiti barangan terjamin
- ANDA PESAN KAMI HANTAR**

1 _____

2 _____


3 _____

4 _____

5 _____

[10 markah]

H. Apakah adab atau etika yang perlu dijaga oleh seorang murid sewaktu menggunakan perkhidmatan seperti di bawah ini?



1 _____

2 _____

3 _____

4 _____

5 _____

[5 markah]

I. Berdasarkan maklumat di bawah, nyatakan usaha manusia di negara berikut menyesuaikan diri berdasarkan iklim tersebut.

1 Iklim Gurun Panas: Panas dan kering sepanjang tahun



(a) _____
(b) _____
(c) _____
(d) _____

2 Iklim Tundra: Sejuk sepanjang tahun



(a) _____
(b) _____
(c) _____
(d) _____

[8 markah]

J. Apakah langkah yang diambil oleh syarikat penerbangan di Dubai untuk mengatasi pertambahan jumlah penumpang setiap tahun?

1 _____

2 _____

3 _____

4 _____

5 _____

6 _____

[6 markah]

K. Cadangkan bagaimanakah langkah untuk menjayakan pendidikan alam sekitar bagi mengatasi isu pemanasan global.

1 _____

2 _____

3 _____


4 _____

5 _____

6 _____

[6 markah]

L. Penjimatan tenaga elektrik merupakan satu amalan yang berkonsepkan teknologi hijau yang dapat mengurangkan kegunaan sumber alam semula jadi.



Nyatakan **lima** cara yang dapat dilakukan untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik di rumah anda.

1 _____

2 _____

3 _____

4 _____

5 _____

[5 markah]